

Ruj. Kami: KPT.JPP(O) 601-1/2/14 ( 8 )  
Tarikh : \ \Disember 2013

Semua Pengarah Politeknik,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan,

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SEMESTER PENDEK EDISI 2013**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pelaksanaan Semester Pendek Edisi 2011 telah dimurni dan dibentangkan kepada Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik semasa Mesyuarat Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik KPM Bil 2/2013 pada 22-23 Oktober 2013.

3. Sehubungan itu, bersama ini disertakan **Garis Panduan Pelaksanaan Semester Pendek Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi 2013** yang telah dimurnikan untuk digunapakai **mulai tahun 2014**. Tuan dimohon untuk memastikan semester pendek dilaksanakan mengikut prosedur yang digariskan.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini, sila berhubung dengan Pn Noor Rosmawati Yusuf ditalian 03-88919334 atau melalui email dialamat [rosyusuf@mohe.gov.my](mailto:rosyusuf@mohe.gov.my). Kerjasama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(HJ. AZIZI BIN LIN)**

**Pengarah**

**Bahagian Pembangunan Akademik**

**Jabatan Pengajian Politeknik**

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SEMESTER PENDEK**

**POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**EDISI 2013**



# DRAF GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN SEMESTER PENDEK POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Semester Pendek adalah semester pengajian rasmi pilihan kepada pelajar dan ianya wajib dilaksanakan oleh politeknik semasa cuti panjang di akhir sesi tertentu tahun pengajian. Walaubagaimanapun, ianya tidak dikira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program. Tempoh pengajian yang dimaksudkan adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian**.
- 1.2 Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta pentaksiran Semester Pendek perlu:
  - 1.2.1 memenuhi kehendak dokumen kurikulum.
  - 1.2.2 merujuk kepada **Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian** kecuali perkara-perkara yang diperjelaskan dalam garis panduan ini.
  - 1.2.3 memenuhi Jam Belajar Pelajar (SLT) setiap kursus.
  - 1.2.4 memenuhi keperluan standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakkan Malaysia (MQA) sebagaimana pelaksanaan semester panjang.

## 2.0 TUJUAN PELAKSANAAN

- 2.1 Pelaksanaan Semester Pendek adalah bertujuan:
  - 2.1.1 memendekkan tempoh pengajian pelajar
  - 2.1.2 mengulang kursus:
    - 2.1.2.1 gagal kursus
    - 2.1.2.2 memperbaiki gred kursus
  - 2.1.3 mengikuti kursus yang tidak dapat diambil atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti:
    - 2.1.3.1 pertindihan jadual waktu
    - 2.1.3.2 masalah kesihatan
    - 2.1.3.3 kes disiplin
    - 2.1.3.4 mengurangkan jumlah jam kredit semester pengajian
  - 2.1.4 mencukupkan kredit bagi mengikuti kursus Latihan Industri

### 3.0 TEMPOH PENGAJIAN

- 3.1 Tempoh pengajian Semester Pendek adalah bergantung kepada cuti semester Sesi Jun yang dinyatakan di dalam Kalendar Akademik tahun semasa.
- 3.2 Pengajian Semester Pendek bermula pada minggu pertama cuti akhir semester sesi pengajian.
- 3.3 Tiada cuti pertengahan semester dan minggu ulangkaji diperuntukkan bagi Semester Pendek.
- 3.4 Kaedah pelaksanaan ini membenarkan pelajar merancang mengambil kursus semester berikutnya lebih awal dan pelajar lemah semester semasa merancang untuk mengulang kursus pada semester pendek tanpa mengetahui keputusan Peperiksaan Akhir Semester. Jadual 1 menunjukkan contoh pelaksanaan Semester Pendek:

Jadual 1: Contoh pelaksanaan Semester Pendek (8 minggu)

AKTIVITI	TEMPOH (MINGGU)
Minggu Perkuliahan	6
Minggu Peperiksaan	1
Proses penilaian peperiksaan	1
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>

### 4.0 PENAWARAN KURSUS

- 4.1 Penawaran kursus Semester Pendek adalah **TERTAKLUK** kepada keputusan Ketua Jabatan Akademik.
- 4.2 Setiap kursus yang ditawarkan perlu memenuhi SLT yang ditetapkan sebagaimana semester panjang.

- 4.3 Jumlah kredit maksimum yang dibenarkan kepada pelajar adalah bergantung kepada pengiraan SLT semester pendek berkenaan.

## 5.0 PENDAFTARAN KURSUS

- 5.1 Pelajar perlu mendaftar setiap kursus yang diambil pada Semester Pendek mengikut prosedur pendaftaran sedia ada dalam tempoh yang ditetapkan oleh politeknik sebelum pengajian Semester Pendek bermula.
- 5.2 Pelajar yang mendaftar kursus tetapi tidak menghadiri kuliah dan/atau peperiksaan tanpa kebenaran Ketua Jabatan atau tanpa menggugurkan kursus dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan
- 5.3 Pelajar dibenarkan untuk menggugurkan kursus selewat-lewatnya pada hari terakhir bekerja minggu ke **TIGA (3)** perkuliahan. Permohonan untuk gugur kursus selepas tarikh ini tidak dibenarkan.
- 5.4 Bagi pelajar yang mendaftar untuk mengulang kursus pendaftaran kursus akan terbatal pada hari keputusan rasmi peperiksaan dikeluarkan jika pelajar lulus dengan gred C (Nilai Mata 2.00) dan ke atas sahaja.

## 6.0 KEPUTUSAN PENILAIAN

- 6.1 Purata Nilai Mata (PNM) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) akan diberikan sebagaimana semester panjang. Namun hanya HPNM akan diambilkira bagi menentukan keputusan penilaian pelajar sebagaimana yang diperuntukkan dalam buku **Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian**.
- 6.2 Pelajar yang gagal sesuatu kursus yang diambil sebanyak **TIGA (3)** kali termasuk dalam Semester Pendek akan mendapat keputusan **Gagal dan Diberhentikan (GB)** sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian**
- 6.3 Prosedur peperiksaan dan penilaian adalah mengikut **Takwim Aktiviti Pentaksiran Politeknik KPM** tahun semasa.



- 6.4 Tempoh rayuan keputusan peperiksaan adalah **TIGA (3)** hari bekerja dari tarikh rasmi keputusan peperiksaan diumumkan.
- 6.5 Tiada Anugerah Ketua Jabatan (AKJ) semasa semester pendek sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Garis Panduan Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik**.
- 6.6 Semua peraturan peperiksaan perlu dipatuhi oleh pelajar mengikut **Arahan–Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian** semasa

## **7.0 YURAN**

- 7.1 Berdasarkan Surat Pekeliling Pengurusan Politeknik Bil. 2/2009 bertarikh 20 Mei 2009, tiada yuran pengajian dikenakan bagi pelajar yang mengikuti kursus semasa Semester Pendek kecuali mod pembelajaran secara sambilan (KSS).
- 7.2 Pelajar yang menginap di asrama perlu membayar yuran pada kadar RM 10.00 sebulan.
- 7.3 Pelajar perlu mempunyai perlindungan insurans yang sah semasa mengikuti pengajian di Semester Pendek.

## **8.0 PENYATAAN KUATKUASA**

Garis Panduan Pelaksanaan Semester Pendek ini dikuatkuasakan mulai Tahun 2014.

## **RUJUKAN**

1. Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian
2. Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti Program Pengajian
3. Dasar dan Prinsip Perancangan dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian
4. Garis Panduan Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik
5. Kalendar Akademik Politeknik (Diploma dan Diploma Lanjutan)
6. Kompilasi Dasar (Edisi 2011) KPT dan MQA
7. Surat Pekeliling Pengurusan Politeknik Bil 2/2009 bertarikh 20 Mei 2009
8. Standard Program Pengajian MQA.

## GLOSARI

### **Anugerah Ketua Jabatan (AKJ)**

*bermakna satu bentuk anugerah yang akan diberikan kepada para pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik yang cemerlang pada semester dinilai (PNM 3.50 dan ke atas) kecuali ketika menjalani latihan industri. Bilangan penerima anugerah ini adalah tidak terhad.*

### **Gagal dan Diberhentikan (GB)**

*bermakna satu keputusan akan diberikan kepada pelajar (yang mana-mana antara satu) memperolehi HPNM dan PNM pada nilai tertentu, gagal sesuatu kursus sebanyak **TIGA (3)** kali termasuk peperiksaan akhir khas atau penilaian khas, memperolehi keputusan Kedudukan Syarat **TIGA (3)** kali berturut-turut, gagal Latihan Industri sebanyak **DUA (2)** kali atau telah melampaui tempoh maksimum pengajian sesuatu program.*

### **Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)**

*bermakna Purata Nilai Mata yang diperolehi oleh seseorang pelajar di dalam semua peperiksaan yang diambilnya sehingga kini yang dikira seperti berikut:*

$$HPNM = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit yang diperolehi bagi semua semester sehingga kini}}{\text{Jumlah kredit yang diperolehi bagi semua semester sehingga kini}}$$

### **Jam Belajar Pelajar/Student Learning Time (SLT)**

*bermakna aktiviti pembelajaran pelajar yang terdiri daripada gabungan masa berikut:*

- i) Jumlah jam pertemuan rasmi secara kuliah iaitu pengajaran berjadual (official contact time)*
- ii) Jumlah jam pembelajaran terselia atau terpandu (supervised or guided learning time)*
- iii) Jumlah jam pembelajaran bersendirian/kumpulan (independent/self/group learning time)*
- iv) Jumlah jam penilaian (assessment time)*

*Gabungan komposisi masa di atas membentuk beban akademik pelajar yang bermaksud SLT. Nilai gabungan ini merupakan satu nilai notional/nominal yang berjumlah setara dengan 40 jam setiap semester untuk satu kredit beban.*



**Memperbaiki gred kursus**

*bermakna peluang kepada pelajar yang memperolehi kelulusan dengan gred C-, D+ dan D untuk memperbaiki gred bagi kursus berkenaan dengan mengikuti semula aktiviti-aktiviti pembelajaran sepenuhnya pada mana-mana semester berikutnya termasuk semester pendek. Pelajar dibenarkan untuk memperbaiki gred kursus hanya sekali sahaja sepanjang pengajian bagi kursus tersebut dan keputusan akan diambil dari gred terbaik*

**Mengulang kursus**

*bermakna mengambil semula kursus yang gagal pada semester sebelumnya bagi pelajar yang gagal kursus wajib, kursus teras dan kursus pengkhususan*

**Purata Nilai Mata (PNM)**

*bermakna Purata Nilai Mata Kredit seseorang pelajar bagi sesuatu semester yang dikira seperti berikut:*

$$PNM = \frac{\text{Jumlah Mata Kredit yang diperolehi bagi semester semasa}}{\text{Jumlah kredit yang diambil bagi semester semasa}}$$

**Semester Panjang**

*bermakna satu tempoh pengajian yang dinyatakan di dalam kalendar akademik tahunan. Pelajar-pelajar perlu mengambil kursus-kursus yang ditawarkan dan tertakluk kepada peraturan penilaian sedia ada. Ianya dikira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.*

**Semester Pendek**

*bermakna satu tempoh pengajian selain daripada Semester Panjang yang dinyatakan di dalam kalendar akademik tahunan. Pelajar-pelajar boleh mengambil kursus-kursus yang ditawarkan dan tertakluk kepada peraturan penilaian sedia ada. Ianya tidak dikira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan bagi sesuatu program.*

**Tempoh pengajian**

bermakna satu tempoh yang diberikan kepada pelajar untuk melengkapkan sesi pengajian dalam peringkat pengajian yang diikuti. Tempoh pengajian bagi sesuatu program sepenuh masa adalah seperti berikut:

<b>Peringkat Pengajian</b>	<b>Tempoh Pengajian (Semester)</b>	
	<b>minimum</b>	<b>maksimum</b>
<i>Ijazah Sarjana Muda</i>	5	12
<i>Diploma Lanjutan (bagi lulusan diploma)</i>	2	5
<i>Diploma</i>	5	9
<i>Diploma (Kursus Secara Sambilan (KSS))</i>	8	16
<i>Sijil</i>	3	7